

577:
MAHATHIR-RAPAT

1975

SUNGAI PETANI, 6 APR (BERNAMA)-- LANGKAH KERAJAAN MENGGALAKKAN PELABURAN ASING DI NEGARA INI TELAH DAPAT MENYELESAIKAN SEBAHAGIAN BESAR MASAALAH PENGANGGURAN, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

BELIAU BERKATA, HASIL PENUBUHAN KILANG-KILANG SECARA USAHA BERSAMA ANTARA PELABUR TEMPATAN DAN ASING, SEJUMLAH BESAR KAUM BELIA DI BANDAR DAN LUARBANDAR TELAH MENDAPAT KERJA.

BELIAU MENEGASKAN ADALAH TIDAK BENAR TUDUHAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG BAHAWA KERAJAAN TELAH MENGGADAI NEGERI INI MELALUI PELABUR-PELABUR ASING.

MENTERI ITU BERUCAP DEMIKIAN DI RAPAT UMUM PILIHANRAYA KECIL NEGERI KAWASAN MERBOK DI PEKAN MERBOK 16 BATU DARI SINI.
-- BERSAMBUNG 2315/MD

578a
MAHATHIR-RAPAT 2 SUNGAIPETANI

DENGAN ADANYA PELABURAN ASING, NEGARA TELAH MENERIMA HASIL PENDAPATAN YANG BESAR YANG DAPAT DIGUNAKAN BAGI MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN BAGI FAEDAH RAKYAT.

MENYENTUH PERUSAHAAN GULA DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDIA MEMBERI TARAF PERINTIS KEPADA MANA-MANA PENGUSAHA YANG SANGGUP MENDIRIKAN PERUSAHAAN ITU.

PADA MASA INI, KILANG-KILANG GULA DI NEGARA INI DIUSAKAN OLEH PERBADANAN-PERBADANAN KERAJAAN. --BERNAMA 2317/MD